

Maklumkan Doktor Anda Tentang:

1. Keadaan perubatan anda yang mungkin menyebabkan senaman sukar, contohnya sakit belakang.
2. Jika anda demam, mempunyai virus, atau mempunyai penyakit akut yang berkenaan, anda tidak seharusnya melakukan ujian ini.
3. Sebarang ubat yang sedang anda ambil untuk tekanan darah tinggi dan/atau penyakit jantung yang mungkin memperlambatkan kadar degupan jantung. Ubat-ubatan ini tidak boleh diambil 24 hingga 48 jam sebelum ujian, kecuali dalam keadaan klinikal tertentu. Sila dapatkan nasihat doktor anda.

Penyediaan untuk Ekokardiografi Tekanan Senaman

1. Elakkan makan besar sekurang-kurangnya 2 jam sebelum ujian.
2. Pakai baju dan seluar yang boleh dipisahkan, pakai kasut sukan untuk memudahkan ujian.

Apakah Risiko-risiko yang Mungkin?

Ultrabunyi adalah sangat selamat tanpa kesan-kesan buruk yang diketahui.

Ujian senaman adalah sangat selamat secara amnya. Kebanyakan kesan sampingan adalah kecil seperti kecederaan yang dialami akibat terjatuh dari mesin treadmill. Kesan sampingan besar-besaran jarang berlaku.

Anda akan dipantau dengan teliti oleh ahli teknologi jantung sepanjang tempoh ujian.

Bilakah Boleh Saya Tahu Keputusannya?

Doktor yang menyelia biasanya boleh memberitahu anda keputusan awal selepas ujian. Keputusan akhir dan langkah rawatan anda yang seterusnya akan dibincangkan bersama doktor anda pada temu janji klinik pesakit luar yang akan datang.

TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan
KARDIOLOGI

Ekokardiografi Tekanan Senaman (ESE)



Apakah Ekokardiografi Tekanan Senaman (ESE)?

Ekokardiografi Tekanan Senaman (ESE) merupakan ujian yang melihat sejauh mana jantung bertindak balas terhadap tekanan. Bentuk tekanan yang paling biasa teraruh untuk ujian ialah senaman dengan menggunakan treadmill.

Ekokardiografi, imbasan ultrabunyi digunakan untuk mengimbas jantung dari pelbagai arah yang berbeza dan merekodkan imej di komputer untuk analisis. Imbasan dilakukan sebelum dan selepas senaman untuk menentukan sama ada otot jantung berfungsi dengan baik.

Apakah Tujuan Ujian Ini?

Arteri koronari merupakan saluran-saluran darah yang membekalkan darah ke jantung. Saluran-saluran darah ini boleh menjadi sempit secara tidak normal dalam keadaan perubahan yang dinamakan aterosklerosis. Bagi pesakit dengan keadaan perubahan aterosklerosis, aliran darah tidak mencukupi untuk jantung dan ini boleh menyebabkan sakit dada, sesak nafas dan kelemahan sementara otot jantung yang terjejas. Ini dapat dikesan pada ekokardiogram.

ESE biasanya dijalankan untuk:

- Menyiasat punca sakit dada
- Menentukan sama ada pesakit mempunyai bukti penyakit arteri koronari signifikan yang boleh mengehadkan aliran darah ke jantung
- Menyiasat secara lanjut pesakit yang telah menjalani ujian tekanan elektrokardiografi (ECG) tetapi perubahan tidak khusus dikesan dalam keputusan ECG mereka

Apa Yang Perlu Saya Jangkakan Untuk Ujian?

Ujian ini dilakukan di Makmal Jantung Bukan Invasif. Penyediaan dan ujian biasanya mengambil masa kira-kira 45 minit. Anda akan dapat pulang ke rumah setelah berehat 10 minit selepas ujian.

Sebelum Ujian

Butiran ujian ini akan diterangkan kepada anda dan anda dikehendaki menandatangani borang persetujuan.

Untuk memudahkan pelekatan elektrod ECG ke dada, pesakit lelaki akan diminta untuk menanggalkan baju mereka. Pesakit wanita mungkin diminta untuk menukar kepada gaun khusus untuk tujuan melekatkan elektrod.

Sebelum menjalankan senaman, tekanan darah dan ECG dasar anda akan direkodkan.

Semasa Ujian

Ekokardiogram anda akan direkodkan sebelum dan selepas ujian senaman di treadmill. Anda perlu berbaring pada badan sebelah kiri anda dan mungkin diminta untuk menahan nafas anda untuk jangka masa



Kemudian anda akan meneruskan senaman. Kelajuan dan condongan mesin akan meningkat selepas setiap 3 minit. Ahli teknologi jantung akan memberitahu anda apabila peringkat seterusnya akan dijalankan. Sepanjang ujian, ECG dan tekanan darah anda akan dipantau dan anda perlu melaporkan apa-apa gejala/simptom yang anda alami.

Untuk mencapai keputusan ujian yang lebih tepat, anda akan diminta untuk berjalan sebanyak boleh supaya jumlah senaman yang cukup dapat dicapai.

Selepas Ujian

Anda akan dipantau selama sekurang-kurangnya 6 minit selepas senaman untuk memastikan bahawa kadar degupan jantung dan tekanan darah anda kembali tenang.